



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 18/2013 (28 April hingga 4 Mei 2013)

Sepanjang minggu ke-18 tahun 2013 iaitu bagi tempoh 28 April hingga 4 Mei, sejumlah 463 kes Demam Denggi dilaporkan, iaitu menurun sebanyak 37 kes (7.4%) berbanding dengan 500 kes pada minggu sebelumnya. Walaupun berlaku penurunan kes, terdapat 3 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Johor 15 kes (18%), Pahang 9 kes (450%) dan Sabah 2 kes (29%). (Lampiran A). Negeri Johor telah menunjukkan peningkatan kes sejak 2 minggu lepas dan keadaan ini amat membimbangkan ditambah dengan faktor cuaca yang tidak menentu dan sikap segelintir penduduk yang mengamalkan pembuangan sampah yang tidak teratur. Nasihat KKM kepada penduduk khususnya di kawasan berwabak supaya memeriksa persekitaran kawasan rumah dan hapuskan tempat-tempat yang boleh menjadi tempat pembiakan Aedes. Sekiranya terdapat takungan air yang kekal gunakan ubat pembunuh jentik-jentik.

Jumlah terkumpul kes bermula dari Januari hingga 4 Mei 2013 adalah sebanyak 8,376 kes, penurunan sebanyak 5% atau 433 kes berbanding dengan 8,809 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2012. Kumulatif kematian Denggi sehingga Minggu Epid ke 18

tahun 2013 kekal sebanyak 15 kematian, berbanding 20 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2012.

Sehingga minggu ke-18, sejumlah 98 lokaliti wabak aktif di 15 daerah dilaporkan di seluruh negara, 44 lokaliti di Selangor, 32 lokaliti di Johor, 17 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 4 lokaliti di Negeri Sembilan dan masing-masing 1 lokaliti di Perak dan Kelantan. Sebanyak 46 lokaliti wabak baru diisytiharkan sepanjang minggu ini. Sementara itu, bagi aktiviti pemeriksaan *Aedes*, secara keseluruhan sebanyak 97,106 premis telah diperiksa dengan 1,463 premis didapati positif pembiakan *Aedes* yang mencatatkan nilai sensitif iaitu 1.5%. Terdapat 10 buah negeri mempunyai nilai pembiakan *Aedes* yang tinggi iaitu Sarawak (3.9%), Melaka (2.4%), Johor (2.2%), Selangor (1.9%), P. Pinang (1.7%), Perlis (1.5%), Kelantan (1.4%), Perak(1.2%), Kedah (1.1 %) dan Negeri Sembilan (1.1%) manakala 5 daerah yang mempunyai nilai pembiakan *Aedes* yang tertinggi adalah di Sibu 6.9%, Hulu Langat 6.3%, Pontian 6.3%, Cheras 5.9% dan Barat Daya, P. Pinang 5.3%.

Pada minggu lepas, terdapat satu lokaliti wabak tidak terkawal telah dilaporkan iaitu di Apartment Kolej Lagenda, Bandar Universiti Teknologi, Lagenda Mantin, Seremban, Negeri Sembilan. Wabak di lokaliti ini telah berlanjutan selama 21 hari dengan 12 kes dilaporkan. Hasil pemeriksaan oleh Pejabat Kesihatan Daerah telah menemui pembiakan *Aedes* dengan kadar antara 2.8% hingga 5.2% melebihi nilai sensitif. Sejumlah 5 kompaun bernilai RM 2,500 telah dikeluarkan kepada penghuni yang didapati mempunyai pembiakan *Aedes*. Antara bekas yang merupakan bekas pembiakan *Aedes* utama di lokaliti ini adalah pam tandas, mangkuk tandas, sinki dan tangki air di apartment

kosong serta beberapa pembiakan ditemui di lantai simen yang menakung air.

KKM menyeru kepada pihak pengurusan dan jawatankuasa penduduk di lokaliti ini bagi melaksanakan aktiviti gotong royong untuk mencari dan melupuskan tempat-tempat pembiakan Aedes. Tindakan proaktif dari semua pihak dengan melaksanakan aktiviti pencegahan denggi, akan lebih menguntungkan berbanding jika tindakan hanya diambil selepas jangkitan Denggi telah berleluasa. Sikap tidak endah masyarakat dalam memastikan tempat tinggal dan tempat kerja mereka bebas dari pembiakan Denggi menyukarkan usaha-usaha mengawal penularan penyakit ini dan peningkatkan kes akan terus berlaku di lokaliti ini. Pemimpin masyarakat setempat juga diseru untuk mengambil inisiatif menggerakkan penghuni di lokaliti ini kearah matlamat komuniti bebas denggi. *“Tiada Aedes, Tiada Denggi”*

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

6 Mei 2013

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 18/2013
(28 April hingga 4 Mei 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 18/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 18/2012
		Minggu 18 (28 April – 4 Mei 2013)	Minggu 17 (21 – 27 April 2013)		
1	Perlis	1	2	50	73
2	Kedah	12	16	259 (1)	294 (1)
3	P. Pinang	6	10	235	314 (1)
4	Perak	24	39	703	607 (1)
5	Selangor	179	191	3,583 (1)	3,959 (10)
6	WPKL & Putrajaya	57 (1)	62 (1)	679 (4)	956 (3)
7	N. Sembilan	19	19	185	155 (1)
8	Melaka	5	8	161	248
9	Johor	100	85	876 (6)	596 (1)
10	Pahang	11	2	193	273 (1)
11	Terengganu	5	5	74	310
12	Kelantan	17	28	486	476
13	Sarawak	18	26	626 (2)	373
14	Sabah	9	7	266 (1)	168 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	7
	Jumlah	463 (1)	500 (1)	8,376 (15)	8,809 (20)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.

